

**SSIG Rai Duta, Perwakilan Asing Pada Majlis Berbuka Puasa  
Bernama  
Ogos 11, 2011**

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Gerbang Maklumat Selatan-Selatan (SSIG) meraikan duta dan perwakilan asing ke negara ini dalam satu majlis berbuka puasa.

Antara yang hadir ialah Duta Iraq Dr Amal Mussa Hussain, Duta Uzbekistan Shukor Sabitov, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan Masood Khalid, Duta Turki Ali Gulen dan Duta Palestin Abd Elaziz Abu Ghoush.

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Che Azemi Haron dalam ucapannya berkata, peluang berkumpul pada majlis seumpama ini memberi ruang kepada semua perwakilan berbincang isu penting, selain memperkukuh hubungan sesama mereka.

Terdahulu, Duta Palestin berkongsi perkembangan terbaru di negara itu yang kini dibelenggu pelbagai cabaran dan pergolakan politik.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=607669>